

# Negara Islam: Pemuda MCA terima 100 peratus

UM 12 OCT 2001

PUTRAJAYA 11 Okt. — Pergerakan Pemuda MCA menerima 100 peratus konsep negara Islam yang telah didirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak merdeka.

Ketua pergerakan itu, Datuk Ong Tee Keat berkata, pihaknya percaya seluruh masyarakat Cina akan dapat menerima konsep negara Islam yang diamalkan sekarang secara beransur-ansur.

Selama ini pun, kata beliau, masyarakat Cina bebas menjalankan kegiatan mereka termasuk upacara keagamaan dalam negara ini.

“Kita akan mengadakan forum dan majlis penerangan kepada seluruh masyarakat Cina berhubung negara Islam.

“Kebanyakan masyarakat Cina merasa agak terkejut apabila Malaysia diisytiharkan sebagai negara Islam baru-baru ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengetuai 30 ahli pergerakan itu dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan kaum Cina untuk bertemu Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman di sini hari ini.

Dalam pertemuan selama dua jam itu, mereka diberi taklimat mengenai konsep negara Islam oleh Dr. Abdul Hamid.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam ketika merasmikan perhimpunan agung tahunan Parti Gerakan baru-baru ini.

Ong selanjutnya berkata, pihaknya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Dr. Abdul Hamid mengenai konsep negara Islam di Malaysia.

Daripada penjelasan itu, katanya, konsep negara Islam yang diamalkan oleh Malaysia bertentangan dengan konsep yang diamalkan oleh Iran, Pakistan atau Afghanistan.

Malah, tegasnya, konsep negara Islam yang diwujudkan oleh UMNO di negara ini bercanggah dengan konsep yang dianjurkan oleh Pas.